

# LAWATAN ULUNG PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE PANGKALAN UDARA LABUAN



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4502-lawatan-ulung-panglima-angkatan-tentera-ke-pangkalan-udara-labuan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4502-lawatan-ulung-panglima-angkatan-tentera-ke-pangkalan-udara-labuan)

LABUAN, 13 Feb 19 - Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin hari ini melaksanakan lawatan ulung beliau ke Pangkalan Udara Labuan bagi melihat keupayaan aset-aset serta beramah mesra bersama warga Pangkalan.

Ketibaan beliau disambut oleh Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM, Panglima Wilayah Udara 2, Mej Jen Dato' Hj Yazid bin Hj Arshad TUDM, Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan Markas Tentera Udara, Mej Jen Dato' Dzukarnain bin Hj Ahmad TUDM dan Komander Pangkalan Udara Labuan, Brig Jen Dato' Hj Sardon bin Hassan TUDM.

Terdahulu, Panglima Angkatan Tentera menerima tabik hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU) dari Pangkalan Udara Labuan yang terdiri daripada 3 Pegawai dan 103 Anggota Lain-lain Pangkat yang diketuai oleh Mej Mohd Amin bin Ibrahim TUDM.

Seterusnya, beliau diberikan taklimat ringkas berkenaan fungsi dan peranan Pangkalan Udara Labuan yang disampaikan oleh Komander Pangkalan dan seterusnya membuat lawatan ke skuadron-skuadron secara 'walking brief' iaitu ke No.6 Skuadron yang mengoperasikan pesawat pejuang Hawk MK 108/208, No.5 Skuadron yang mengoperasikan pesawat Helikopter EC 725 dan No.14 Skuadron yang mengoperasikan pesawat pengangkut Lockheed C130.

Lawatan ini merupakan elemen signifikan Amanat Tahun 2019 sejak beliau memegang tampuk pemerintahan sebagai Panglima Angkatan Tentera ke-20. Dalam lawatan ini juga, Panglima Angkatan Tentera turut menekankan kepada warga ATM agar menggunakan media sosial secara intelektual, berhemah serta patuh dengan akta/direktif ATM, ucap beliau ketika sesi soal jawab dan ramah mesra bersama warga Pangkalan.





